



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pertubuhan (Pindaan) 1982
DR.18/1982

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1982. Tajuk ringkas
2. Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong takrif “pertubohan politik”. Pindaan bagi seksyen 2. 13/66.
3. Subseksyen (1) seksyen 2A Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dengan menggantikan perkataan “; atau” dalam paragraf (e) dengan koma; dan
 (b) dengan memotong paragraf (f). Pindaan bagi seksyen 2A.
4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “atau perhubungan” dalam paragraf (c) subseksyen (1). Pindaan bagi seksyen 7.

Seksyen-
seksyen
baru 8A
dan 8B.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 8 seksyen-seksyen baru 8A dan 8B yang berikut:

“Tang-
gungan
pertubuhan
berdaftar
berhubung
dengan
kontrak-
kontrak
yang
dibuat
oleh
sesuatu
cawangan.

8A. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen 12, sesuatu pertubuhan berdaftar tidak boleh mendakwa atau didakwa berkenaan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh mana-mana cawangannya, atau oleh mana-mana pemegang jawatan cawangan itu melainkan kontrak itu telah dibuat oleh cawangan itu menurut suatu kebenaran nyata yang diberi kepada cawangan itu oleh jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhan berdaftar itu atau kontrak itu adalah suatu kontrak dalam golongan atau perihal tertentu yang mana cawangan itu adalah diberikuasa secara am atau secara khusus oleh pertubuhan itu untuk membuatnya; dan peruntukan-peruntukan paragraf (c), (d) dan (e) subseksyen (1) seksyen 9 hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dalam pemakaiannya bagi apa-apa guaman, prosiding, penghakiman, atau permohonan untuk pelaksanaan berhubungan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar.

(2) Tanpa menyentuh subseksyen (1), jika sesuatu cawangan, yang dalam subseksyen ini disebut ‘cawangan bawahan’, berada di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan lain, yang dalam subseksyen ini disebut ‘cawangan atasan’, cawangan atasan itu boleh mendakwa atau didakwa bagi kontrak-kontrak yang dibuat oleh cawangan bawahan jika kontrak itu dibuat menurut suatu kebenaran nyata bertulis yang diberi oleh cawangan atasan itu, atau adalah suatu kontrak dalam golongan atau perihal kontrak-kontrak yang mana cawangan bawahan adalah dibenarkan oleh cawangan atasan untuk membuatnya:

Dengan syarat bahawa sesuatu cawangan hendaklah, dalam apa-apa jua hal, disifatkan berada di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada sesuatu cawangan lain jika

anggota-anggota cawangan atasan itu dinamakan, dilantik atau selainnya dipilih dari anggota-anggota cawangan bawahan.

Pertubuhan berdaftar dilarang memperolehi wang atau harta dari mana-mana sumber asing.

8B. (1) Sesuatu pertubuhan berdaftar tidak boleh secara langsung atau tak langsung meminta, mendapat, menerima atau menyetujui terima, atau cuba meminta, mendapat, menerima, atau menyetujui terima apa-apa wang, atau apa-apa harta alih atau harta tak alih lain dari apa-apa jenis atau dalam apa-apa jua bentuk atau apa-apa faedah atau keuntungan berupa wang yang terbit dari mana-mana orang yang biasanya bermastautin di luar Malaysia, atau mana-mana organisasi yang bukan suatu organisasi yang ditubuhkan dalam Malaysia di bawah sesuatu undang-undang bertulis, atau dari mana-mana kerajaan, atau mana-mana agensi mana-mana kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain dalam, mana-mana negeri, wilayah atau tempat di luar Malaysia :

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, atas permohonan bertulis yang dibuat terlebih dahulu oleh sesuatu pertubuhan berdaftar, membenarkan pertubuhan itu menyetujui terima wang, atau lain-lain harta, atau faedah atau keuntungan berupa wang, secara langsung dari mana-mana orang, organisasi, kerajaan, agensi atau pihak berkuasa sebagaimana tersebut di atas tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, atau penentuan tentang amaun, nilai, takat, jenis atau perihal harta, faedah atau keuntungan itu dan tertakluk kepada segala batasan, sekatan, penentuan, terma atau syarat lain yang ditetapkan oleh Pendaftar untuk dikenakan semasa memberi kebenaran itu.

(2) Menteri boleh, menurut budibicaranya, tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang ditetapkannya, memberi pengecualian daripada pemakaian seksyen itu kepada mana-mana pertubuhan berdaftar yang mana tujuan dan kaedah-kaedahnya mengadakan peruntukan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti

kebajikan, khairat, pendermaan atau sukan, dan yang semata-mata menjalankan aktiviti-aktiviti itu, dengan syarat dia berpuashati bahawa adalah tidak bertentangan dengan kepentingan awam untuk memberi pengecualian itu.

(3) Mana-mana pertubuhan yang melanggar subseksyen (1) atau yang melanggar apa-apa batasan, sekatan, penentuan, terma atau syarat yang dikenakan di bawah proviso kepada subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan
bagi
seksyen 11A.

6. Seksyen 11A Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “atau hubungan” di mana jua terdapat dalam subseksyen (1), (2) dan (3).

Pindaan
bagi
seksyen 13A.

7. Seksyen 13A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan politik di bawah Bahagian 1A” dalam paragraf (c) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “parti politik”.

Pemotongan
Bahagian 1A.

8. (1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong kesemua Bahagian 1A.

(2) Pemansuhan Bahagian 1A tidak akan menjejaskan dengan apa jua cara pendaftaran dan kewujudan mana-mana pertubuhan yang dahulunya dikenali sebagai suatu pertubuhan politik sebagai suatu pertubuhan berdaftar kecuali ia tidak lagi dikenali atau disebut sebagai pertubuhan politik.

Pindaan
bagi
seksyen 21.

9. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan paragraf (c) subseksyen (1) dengan paragraf (c) baru yang berikut:

“(c) kemasukan seseorang anggota atau peyuran yang tidak bermastautin di dalam kawasan—

(i) mengenai Malaysia Barat, mukim; atau

(ii) mengenai Sabah dan Sarawak, bandar, di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya;”.

10. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "18F (4) atau 18G (3)". Pindaan bagi seksyen 49.
11. Seksyen 63 dan 64 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Penolong Pendaftar" di mana jua terdapat, perkataan-perkataan "atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendaftar". Pindaan bagi seksyen 63 dan 64.
12. Jadual 1 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "pertubohan politik" dalam paragraf 2 dengan perkataan-perkataan "parti politik". Pindaan bagi Jadual.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Pertubuhan 1966.

2. *Klausu 5* bertujuan mengemukakan seksyen baru 8A di mana sesuatu pertubuhan tidak akan bertanggung ke atas kontrak yang dibuat oleh cawangannya atau mana-mana pemegang jawatannya melainkan cawangan itu telah diberi kebenaran nyata untuk berbuat demikian. Suatu cawangan atasan boleh bertanggung ke atas kontrak yang dibuat oleh cawangan lain yang menjadi subsidiarinya jika kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen itu dibuktikan.

Klausu ini juga bertujuan mengemukakan seksyen baru 8B yang melarang pertubuhan-pertubuhan daripada mendapat apa-apa bantuan kewangan dari sumber-sumber luar negeri melainkan setelah mendapat kebenaran Pendaftar terlebih dahulu atau berkenaan dengan pertubuhan-pertubuhan kebajikan, khairat, pen-dermaan atau sukan, kecualian telah diberi oleh Menteri.

3. *Klausu 8* bertujuan memotong kesemua Bahagian 1A yang memperkatakan tentang pertubuhan politik. Dengan pemotongan ini pertubuhan-pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan-pertubuhan politik adalah menjadi pertubuhan-pertubuhan berdaftar biasa.

4. *Klausu 9* bertujuan membolehkan orang-orang yang tinggal dalam kawasan sesuatu mukim di Malaysia Barat atau sesuatu bandar di Sabah dan Sarawak menjadi anggota pertubuhan faedah bersama yang sama.

5. *Klausu 10* bertujuan memberikuasa kepada pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh Pendaftar untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 63 dan 64 Akta. Pindaan-pindaan lain adalah kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 1197.]